

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1990/91

Mac/April, 1991

ATP 301 - PERAKAUNAN PENGURUSAN

Masa : [3 jam]

ARAHAN

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi SEPULUH muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab LAPAN soalan. Soalan 1 di Bahagian A adalah WAJIB. Pilih EMPAT soalan daripada Bahagian B dan TIGA daripada Bahagian C.

BAHAGIAN A

1. Syarikat Protex mengeluarkan pelbagai kelengkapan untuk kereta. Untuk memperbaiki insentif kewangan yang diberikan olehnya, syarikat ini menggolongkan Jabatan Pengeluaran dan Jabatan Jualannya sebagai pusat keuntungan di mana semua barang yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengeluaran dijualkan kepada Jabatan Jualan pada kadar 150% kos boleh ubah. Kos Jabatan Pentadbiran adalah diperuntukkan sama rata kepada Jabatan Pengeluaran dan Jabatan Jualan. Berikut ini ialah laporan prestasi untuk Jabatan Pengeluaran dan Jabatan Jualan bagi tahun 1990.

...2/-

ATP301

Syarikat Protex

Laporan prestasi Jabatan Pengeluaran
untuk tahun 1990

| | Sebenar | Belanjawan | Varians |
|--------------------|-----------|------------|-----------|
| Unit jualan | 10,000 | 7,000 | |
| Hasil jualan | \$241,500 | \$147,000 | |
| Kos boleh ubah: | | | |
| Bahan mentah | \$ 69,000 | \$ 35,000 | |
| Buruh langsung | 32,000 | 21,000 | |
| Overhead kilang | 60,000 | 42,000 | |
| Jumlah | \$161,000 | \$ 98,000 | |
| Margin caruman | \$ 80,500 | \$ 49,000 | |
| Kos tetap: | | | |
| Overhead kilang | \$ 24,000 | \$ 25,000 | |
| Pentadbiran | 15,000 | 10,000 | |
| Jumlah | 39,000 | 35,000 | |
| Keuntungan jabatan | \$ 41,500 | \$ 14,000 | \$27,500F |

...3/-

ATP301

Syarikat Protex

Laporan pencapaian Jabatan Jualan
untuk tahun 1990

| | Sebenar | Belanjawan | Varians |
|-------------------------------|------------|------------|-----------|
| Unit jualan | 10,000 | 7,000 | |
| Hasil jualan | \$310,000 | \$217,000 | |
| Kos boleh ubah: | | | |
| Kos barang dijual | \$241,500 | \$147,000 | |
| Jualan & pengedaran | 50,000 | 35,000 | |
| Jumlah | \$291,500 | \$182,000 | |
| Margin caruman | \$ 18,500 | \$ 35,000 | |
| Kos tetap: | | | |
| Jualan & pengedaran | \$ 8,000 | \$ 8,000 | |
| Pentadbiran | 15,000 | 10,000 | |
| Jumlah | 23,000 | 18,000 | |
| Keuntungan (kerugian) jabatan | \$ (4,500) | \$ 17,000 | \$21,500U |

Pihak pengurusan mengucapkan tahniah kepada penyelia Jabatan Pengeluaran ke atas pencapaian yang memuaskan dan juga memberikannya kenaikan gaji. Pengurus Jabatan Jualan pula dipanggil ke Mesyuarat Khas Ahli-Ahli Lembaga Pengarah dan diminta menyediakan laporan lengkap menerangkan prestasi bahagiannya.

Merasa bimbang akan kedudukan pekerjaannya sebagai Pengurus Jualan, Puan Syira meminta pertolongan anda untuk:

- (a) Menilai dan menerangkan laporan prestasi tahun 1990.
- (b) Membantu memperbaiki dan menyediakan laporan prestasi untuk kedua-dua jabatan dan untuk Syarikat Protex pada keseluruhannya.

[22 markah]

BAHAGIAN B

Jawab EMPAT soalan sahaja.

2. Syarikat Kimia Berhad mengeluarkan poliaktine satu jenis bahan kimia untuk kegunaan perindustrian yang melibatkan satu langkah proses pembersihan di mana semua bahan-bahan mentah dicampurkan pada tahap permulaannya. Maklumat berikut adalah berkaitan dengan pengeluaran poliaktine untuk bulan Februari, 1991:

Data pengeluaran:

| | |
|--|---------------|
| Kerja dalam proses, 1 Februari (30% tahap penukaran) | 50,000 gelen |
| Barangan siap (dipindahkan) | 450,000 gelen |
| Kerja dalam proses, 28 Februari (40% tahap penukaran) | 40,000 gelen |

Data kos:

| | |
|--|------------|
| Kerja dalam proses (termasuk bahan mentah sebanyak \$140,000) | \$ 165,000 |
| Bahan mentah dipindah ke bahagian memproses | 1,330,000 |

Kos menukar:

| | |
|------------------------------|-----------|
| Buruh langsung | \$ 35,000 |
| Overhead kilang diperuntukan | 173,000 |

Andaikan satu gelen bahan mentah yang digunakan ditukar menjadi satu gelen barang siap dan andaikan juga firma menggunakan kaedah pengkosan purata berwajaran.

- (a) Tentukan unit menyamai barang siap bagi kos bahan dan kos menukar.
- (b) Tentukan kos seunit di dalam proses untuk bulan Februari dengan menunjukkan pecahan seunit kos bagi bahan, penukaran dan jumlah kos.
- (c) Sediakan catatan jurnal untuk merekodkan kos barang yang dipindahkan ke akaun inventori barang siap untuk bulan Februari.
- (d) Tentukan baki akaun kerja dalam proses pada akhir bulan Februari.

[12 markah]

3. Syarikat Toot-Toot mengeluarkan keretapi permainan untuk kanak-kanak dan menjualkannya pada harga \$50 seunit. Kos boleh ubah dan kos tetapnya adalah seperti berikut:

| <u>Kos boleh ubah seunit</u> | <u>Kos tetap</u> |
|------------------------------|------------------|
| Pengilangan: | |
| Bahan mentah | \$ 7 |
| Buruh langsung | 12 |
| Overhead kilang | 5 |
| | ---- |
| Jumlah | \$24 |
| Kos jualan | 4 |
| Kos pentadbiran | 2 |
| | ---- |
| Jumlah | \$30 |
| | ---- |

ATP301

Syarikat menjual 500 unit permainan pada bulan Mei. Syarikat tidak mempunyai inventori permulaan dan akhir pada bulan ini.

- (a) Sediakan penyata pendapatan mengikut (i) bentuk fungsi dan (ii) bentuk caruman.
- (b) Dapatkan (i) margin caruman seunit, dan (ii) nisbah margin caruman.
- (c) Sekiranya jualan berkurangan sebanyak 25 unit, tentukan jumlah perubahan keuntungan?
- (d) Sekiranya hasil jualan bertambah sebanyak \$5,000, tentukan jumlah perubahan keuntungan?

[12 markah]

4. Syarikat Desmo menerima satu pesanan khas daripada sebuah syarikat asing yang ingin membeli 500 unit mesin model XCM pada harga \$250 seunit. Harga jualan biasa model XCM ini ialah \$375. Kos seunit berjumlah \$258 yang terdiri daripada:

| | |
|----------------------------------|-------|
| Kos boleh ubah pengilangan | \$180 |
| Kos tetap pengilangan | 50 |
| Kos boleh ubah jualan | 18 |
| Kos tetap jualan dan pentadbiran | 10 |
| | ---- |
| Purata kos seunit | \$258 |
| | ==== |

Data kos adalah berdasarkan pengeluaran bulanan sebanyak 1,000 unit dan kapasiti loji adalah pada tahap 1,500 unit.

...7/-

- (a) Sediakan penyata analisis perbezaan yang menunjukkan kos-kos dan hasil-hasil yang berkaitan dengan keputusan untuk menerima atau menolak pesanan khas ini sekiranya pesanan itu adalah untuk satu kali sahaja.
- (b) Sediakan penyata analisis perbezaan sekiranya pesanan dari pelanggan ini akan berulang lagi dengan harga yang sama,
- (c) Nyatakan faktor-faktor kualitatif yang perlu dipertimbangkan oleh Syarikat Desmo ini di dalam membuat keputusan.

[12 markah]

5. Syarikat Norex menggunakan sistem pengkosan kerja untuk mengira kos barangannya. Syarikat ini mempunyai dua Jabatan Pengeluaran (A dan B) dan dua Jabatan Perkhidmatan (P1 dan P2). Kos-kos yang berlaku pada jabatan P1 dan P2 diperuntukan kepada jabatan A dan B dan kemudian dimasukkan kepada kadar overhed kilang untuk tujuan pengkosan barang. Kos jabatan P1 adalah diperuntukan berdasarkan bilangan pekerja; jabatan P2 diperuntukan berdasarkan jam buruh langsung; dan kadar overhed jabatan pengilangan juga diperuntukan berdasarkan jam buruh langsung. Maklumat berikut adalah berkaitan dengan tempoh semasa.

| | P1 | P2 | A | B |
|----------------------------|----------|----------|-----------|-----------|
| Kos langsung untuk jabatan | \$24,000 | \$36,000 | \$140,000 | \$235,000 |
| Bilangan pekerja | 4 | 6 | 24 | 36 |
| Jam buruh langsung | 900 | 650 | 4500 | 3600 |

...8/-

- (a) Sediakan jadual untuk memperuntukan kos jabatan perkhidmatan kepada Jabatan Pengeluaran dengan menggunakan kaedah menurun. Jabatan yang mempunyai peratusan perkhidmatan antara jabatan yang paling tinggi diperuntukan dahulu.
- (b) Tentukan kadar overhed sejam buruh langsung untuk jabatan A dan B.
- (c) Kerja 422 telah disiapkan dengan kos sebanyak \$13,000 untuk bahan mentah dan buruh langsung. Kerja ini memerlukan 21 jam buruh langsung di dalam jabatan A dan 15 jam buruh langsung di dalam jabatan B. Kirakan jumlah kos untuk kerja 422?
- [12 markah]
6. Jiba Sdn. Bhd. mengeluarkan jubah-jubah untuk kegunaan pada hari penyampaian ijazah kepada universiti-universiti tempatan. Setiap jubah terdiri daripada kos piawai bahan sebanyak \$42.50 yang terdiri daripada 5 meter kain pada \$8.50 semeter. Kos piawai buruh ialah \$10 sejam buruh langsung. Overhed boleh ubah adalah berdasarkan kepada \$4.50 sejam buruh langsung. Kos tetap dianggarkan pada \$15,000 sebulan.

Berikut ialah data sebenar untuk Februari, 1990:

| | |
|--------------------------------|--------------|
| Belian kain (13,000 meter) | \$125,450 |
| Kain digunakan | 10,800 meter |
| Kos buruh langsung (2,200 jam) | \$ 22,550 |
| Kos overhed boleh ubah | \$ 10,500 |
| Overhed tetap | \$ 14,200 |
| Bilangan jubah dikeluarkan | 2,000 |

- (a) Sediakan varians belanjawan fleksibel untuk bahan mentah, buruh langsung, overhed boleh ubah dan overhed tetap.

- (b) Sediakan varians kos piawai untuk mengenalpasti faktor-faktor yang menyebabkan varians belanjawan fleksibel pada bahan mentah langsung, buruh langsung dan overhead boleh ubah. (Gunakan varians harga bahan ke atas bahan yang digunakan).

[12 markah]

BAHAGIAN C

Jawab **TIGA** soalan.

7. (a) Kenapakah penyata pendapatan bentuk caruman lebih berguna daripada penyata pendapatan bentuk fungsi untuk tujuan perancangan dan kawalan?
- (b) Terangkan apakah yang dibayangkan pada graf keuntungan-volum dan graf kos-volum-keuntungan. Kenapakah graf keuntungan-volum kadangkala lebih digunakan oleh pengurus?

[10 markah]

8. (a) Bezakan antara perakaunan kewangan dan perakaunan pengurusan.
- (b) Adakah kos terlepas merupakan satu kos berkenaan? Kenapa?
- (c) Apakah kegunaan kos sejarah terhadap perancangan masa hadapan?

[10 markah]

9. (a) Terangkan bagaimana varian keberkesanan buruh yang tidak memuaskan boleh dikaitkan dengan variанс harga bahan yang memuaskan.

...10/-

- (b) Sekiranya harga bahan tidak langsung melebihi harga yang digunakan pada belanjawan overhed boleh ubah, varians yang manakah mungkin terlibat? Terangkan.

[10 markah]

10. (a) Apakah antara kebaikan organisasi berpusat dan yang berdecentralis? Apakah kriteria yang harus digunakan untuk menukar struktur organisasi?
- (b) Apakah kegunaan harga pindahan dan bentuk organisasi yang bagaimanakah menggunakannya? Apakah masalah yang timbul dengan kegunaan harga pindahan?

[10 markah]

----ooo0000ooo----